

KPDNHEP sekat cubaan seludup diesel

PADANG BESAR - Sejumlah 2,225 liter petrol dan 90 liter diesel bersubsidi bernilai RM4,886.60 yang cuba diseludup ke negara jiran berjaya disekat sepasukan pegawai penghat kuasa pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis di dua lokasi di Kampung Melayu semalam.

Ketua Pegawai Pengawalkuasa KPDNHEP negeri, Mohamad Amir Abdullah berkata, serbuan

pada jam 6.40 pagi itu turut merampas tiga kereta yang mempunyai tangki tambahan berisi minyak petrol yang keseluruhannya bernilai RM20,000.

"Seorang wanita tempatan berusia awal 50-an dan wanita warga asing berusia 30-an turut ditahan bagi membantu siasatan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohamad Amir berkata, kedua-dua sindiket itu menggunakan modus operandi yang sama iaitu pemilik stor

warga tempatan akan mengutip barang kawalan secara berulang di stesen minyak berhampiran dan dikumpulkan di stor itu.

"Setelah selesai aktiviti mengumpul minyak pihak pembeli akan membuat pembelian di stor terbabit," katanya.

Menurutnya, siasatan dilakukan di bawah seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

